

# Beberapa kolumnis akhbar

## India puji

### Dr. Mahathir

**UM 01/11/2003 - 2 PRECISE**

NEW DELHI 31 Okt. — Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bersara daripada jawatan Perdana Menteri hari ini dipuji oleh beberapa kolumnis media India khasnya kerana sumbangan beliau dalam mewujudkan sebuah masyarakat majmuk yang dinamis.

Dalam satu ruangan, kolumnis Praful Bidwai berkata kerjaya politik Dr. Mahathir selama 22 tahun bertumpu pada usaha menentang pelampau Islam di Malaysia dan mewujudkan masyarakat majmuk yang terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India yang hidup bersama pada tahap kemakmuran yang tidak dapat ditandingi di kebanyakan negara membangun, apa lagi India.

Merujuk kepada ucapan Dr. Mahathir di sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), katanya: "Saya pada mulanya menulis mengutuk Dr. Mahathir kerana kata-kata anti Yahudi beliau. Tetapi selepas membaca dengan teliti, saya menyedari ia hanya sebahagian kecil daripada apa yang beliau katakan.

Katanya, Dr. Mahathir seberarnya meluahkan kekecewaan berjuta-juta umat Islam akibat sejarah penjajahan dan kekalahan negara-negara Arab di tangan Israel.

Beliau memetik Dr. Mahathir sebagai berkata: "Kita semua Islam. Kita semua tertindas. Kita semua dihina."

Dalam satu lagi ruangan, V. Anantha Nageswaran, memuji seruan Dr. Mahathir semasa sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) baru-baru ini supaya agenda perdagangan global ditakrif semula.

Dr. Mahathir, kata penulis itu, betul dalam mencadangkan bahawa perdagangan bebas tidak bermakna perdagangan adil seperti yang dilihat selama ini. — Bernama